



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)**

**GARIS PANDUAN MEMPROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK
BERGERAK BAGI KLINIK PERUBATAN/ PERGIGIAN SWASTA**

**AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998
[AKTA 586]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA (KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN
SWASTA) 2006 [P.U. (A) 137/2006]**

1. PENGENALAN

- 1.1 Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A) 137/2006] telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.
- 1.2 Semua klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta perlu mematuhi semua kehendak di bawah Akta 586 dan P.U. (A) 137/2006 sebelum ianya boleh didaftarkan.
- 1.3 Selain itu, semua klinik pergigian swasta perlu mematuhi Akta Pergigian 2018 [Akta 804] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia (MPM).
- 1.4 Satu garis panduan dikeluarkan bagi membantu pegawai-pegawai proses di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS JKN/WP), Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Ibu Pejabat, KKM (CKAPS HQ) dan pegawai pergigian memproses permohonan yang diterima.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan permohonan pendaftaran klinik swasta bergerak diproses mengikut ketetapan Akta 586 dan P.U. (A) 137/2006.
- 2.2 Memastikan permohonan pendaftaran klinik swasta bergerak yang diterima adalah lengkap dan mematuhi *standard* yang ditetapkan.
- 2.3 Memastikan keseragaman di setiap negeri untuk memproses permohonan pendaftaran klinik swasta bergerak mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 2.4 Menetapkan pengecualian yang boleh dipertimbangkan bagi klinik swasta bergerak.

3. DEFINISI

- 3.1 Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” ertinya apa-apa perkhidmatan yang disediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta.
- 3.2 Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “kemudahan jagaan kesihatan swasta” ertinya mana-mana **premis**, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang digunakan atau

dimaksudkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perkhidmatan yang berhubung dengan kesihatan, seperti hospital, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta dan apa-apa premis jagaan kesihatan atau yang berhubung dengan kesihatan lain yang boleh ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

- 3.3** Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “klinik perubatan swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar termasuklah—
- (a) memeriksa, mendiagnosis, atau merawat mana-mana orang yang menghidap, atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
 - (b) perkhidmatan jagaan kesihatan pencegahan atau penggalakan; dan
 - (c) mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa badan manusia dengan pemakaian apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti.
- 3.4** Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “klinik pergigian swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan pergigian dan termasuklah premis yang digunakan oleh mana-mana orang –
- (a) untuk merawat atau cuba untuk merawat atau mengaku untuk merawat, mengubati, melegakan atau mencegah apa-apa penyakit, kekurangan atau lesi atau sakit gigi atau rahang manusia;
 - (b) untuk melaksanakan atau cuba untuk melaksanakan apa-apa pembedahan pada gigi atau rahang manusia;
 - (c) untuk melaksanakan apa-apa kerja radiografi berkaitan dengan gigi atau rahang atau rongga mulut manusia; atau
 - (d) untuk memberikan apa-apa rawatan, nasihat atau bantuan pada atau kepada mana-mana orang berkaitan dengan pepadanan atau pemasangan bagi maksud pepadanan atau pemasangan gigi buatan atau korona atau jambatan atau suatu alat bagi pemulihan atau pengaturan gigi atau rahang manusia.
- 3.5** Bagi tujuan pelaksanaan garis panduan ini, amalan pergigian juga termasuk dalam Subseksyen 62(2) Akta 804.
- 3.6** Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “premis” ertinya mana-mana tempat, bangunan atau **kenderaan** sama ada kekal atau sementara.
- 3.7** Dari segi administratif, “klinik swasta bergerak” ertinya mana-mana klinik perubatan swasta/ pergigian swasta yang digunakan atau dimaksudkan sebagai klinik perubatan swasta/ pergigian swasta dalam bentuk kenderaan.

4. PROSEDUR PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK SWASTA BERGERAK

4.1 Permohonan pendaftaran menubuhkan atau menyenggarakan atau mengendalikan atau menyediakan

4.1.1 Permohonan menggunakan Borang A secara *online* dikemukakan melalui Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan dimana premis akan disediakan berdasarkan alamat kenderaan akan ditempatkan (*based at*) dan lokasi perkhidmatan disediakan.

4.1.2 Isi Borang A dengan **lengkap dan betul**. Salinan *online* dicetak dari laman web https://medpcs.moh.gov.my/v3_med/ (1 asal dan 1 salinan).

4.1.3 Sediakan dua (2) salinan dokumen-dokumen sokongan **yang diperakui sah** seperti berikut:

(a) **Pemohon**

- (i) Salinan kad pengenalan.
- (ii) Surat Akuan Berkanun (***Statutory Declaration***) original dan terkini yang lengkap dengan:
 - Nama penuh;
 - Nombor kad pengenalan;
 - Tarikh; dan
 - Tertera *tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan.*
- (iii) Salinan sijil kelayakan profesional-
 - Sijil kelayakan asas dan salinan sijil MQE (sekiranya dari universiti yang tidak diiktiraf).
 - Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran/ Salinan Sijil *National Specialist Register of Malaysia (NSR)*/ Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian (jika berkaitan).
- (iv) Salinan sijil pendaftaran professional-
 - Perakuan Pendaftaran Penuh.
 - Perakuan Amalan Tahunan (APC) semasa, tertera nama dan alamat klinik.

Catatan :

Jika tertera nama & alamat fasiliti KPJKS boleh diterima sementara menunggu memohon pertukaran tempat amalan kepada *Malaysian Medical Council (MMC)*/ *Malaysian Dental Council (MDC)*.

Jika tertera fasiliti kesihatan KKM, perlu kemukakan surat pengesahan peletakan jawatan sebagai penjawat awam dari KKM.

Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan (bukan KKM), perlu kemukakan surat kebenaran dan pelepasan dari Ketua Jabatan bagi Kementerian tersebut.

- (v) Bagi klinik **pergigian** swasta bergerak, pemohon hendaklah merupakan pengamal pergigian berdaftar atau pertubuhan perbadanan sahaja.

Bagi pertubuhan perbadanan, orang yang diberi kuasa (OYDK) hendaklah dilantik untuk memohon bagi pihak pertubuhan perbadanan tersebut. OYDK perlu mengemukakan:

- Surat pelantikan OYDK yang asal; dan
- Perlu ditandatangani oleh $\geq 51\%$ Ahli Lembaga Pengarah (ALP)

(b) **Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) – Jika Berlainan Dari Pemohon**

- (i) Salinan kad pengenalan.
- (ii) Surat Akuan Berkanun (***Statutory Declaration***) original dan terkini yang lengkap dengan:
 - Nama penuh;
 - Nombor kad pengenalan;
 - Tarikh; dan
 - Tertera *tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan.*
- (iii) Salinan sijil kelayakan profesional-
 - Sijil kelayakan asas dan salinan sijil MQE (sekiranya dari universiti yang tidak diiktiraf).
 - Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran/ Salinan NSR/Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian (jika berkaitan).
- (iv) Salinan sijil pendaftaran professional-
 - Perakuan Pendaftaran Penuh .
 - APC semasa yang tertera nama dan alamat klinik sebagai tempat utama amalan.

Catatan :

Jika tertera nama & alamat fasiliti KPJKS boleh diterima sementara menunggu memohon pertukaran tempat amalan kepada MMC/MDC.

Jika tertera fasiliti kesihatan KKM, perlu kemukakan surat pengesahan peletakan jawatan sebagai penjawat awam dari KKM.

Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan (bukan KKM), perlu kemukakan surat kebenaran dan pelepasan dari Ketua Jabatan bagi Kementerian tersebut.

- (v) Bagi pengamal perubatan, sekiranya khidmat wajib kurang dari 2 (dua) tahun, perlu kemukakan salinan surat kelulusan pengecualian/pengurangan khidmat wajib yang dikeluarkan oleh KKM. Tempoh khidmat wajib bermula dari tarikh Perakuan Pendaftaran Penuh dikeluarkan sehingga tarikh kuatkuasa peletakan jawatan dalam perkhidmatan awam.
- (vi) Bagi pengamal pergigian, *tempoh khidmat wajib hendaklah tidak kurang daripada 12 (dua belas) bulan secara terus-menerus dan bermula pada hari pertama melaporkan diri dengan majikan masing-masing. Kegagalan untuk mematuhi notis bertulis dan tempoh mengenai khidmat wajib akan membawa kepada penyingkiran nama daripada Daftar Pergigian (rujuk laman sesawang MDC).*

- (vii) Surat akuan setuju terima perlantikan sebagai OYB asal. Pastikan tiada pertindihan OYB dengan KPJKS lain.
- (c) **Maklumat Perkongsian*, Pertubuhan Perbadanan, dan Pertubuhan***
- * Hanya terpakai untuk klinik perubatan swasta bergerak sahaja
- (i) Bagi Perkongsian-
- Salinan sijil Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang terkini; atau
 - Surat pengesahan perkongsian yang terkini.
- (ii) Bagi pertubuhan perbadanan-
- Maklumat Syarikat SSM (*Corporate Information*).
- Bagi pertubuhan perbadanan dengan pegangan ekuiti asing di dalam shareholders, sila kemukakan *Self-Declaration* berkaitan pegangan ekuiti asing bagi *Ultimate Holding Company* dengan maklumat dan dokumen seperti berikut:
- Butiran negara asal & peratusan pegangan ekuiti asing; dan
 - *Management control agreement* (sekiranya berkaitan).
- Bagi klinik pergigian swasta bergerak perlu mengemukakan dokumen Ahli Lembaga Pengarah (pengamal pergigian berdaftar) seperti berikut:
- Salinan Kad Pengenalan.
 - Surat Akuan Berkanun (**Statutory Declaration**) asal dan terkini yang lengkap dengan:
 - Nama penuh;
 - Nombor kad pengenalan;
 - Tarikh; dan
 - *Tertera tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan.*
 - Salinan sijil kelayakan profesional;
 - Salinan Perakuan Pendaftaran; dan
 - Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC) semasa yang tertera nama dan alamat klinik.
- (iii) Bagi pertubuhan-
- Borang 3 (sijil Pendaftaran Pertubuhan), Akta Pertubuhan 1966;
 - Butiran pemegang jawatan yang didaftarkan; dan
 - Undang-undang pertubuhan tersebut.
- (d) **Dokumen lain**
- (i) Penyata Kewangan Penubuhan Klinik
- Rujuk Borang A, perkara 12.4.
- (ii) Pelan Lantai (*Lay Out Plan*) – sekurang-kurangnya dilukis oleh *draftsman/draughtsman*

- Rujuk Borang A perkara 12.2;
- Skala 1:100 sahaja;
- Mempunyai nama dan alamat lengkap klinik yang ingin didaftarkan;
- *Fully loaded*;
- *Legend* yang lengkap; dan
- Saiz A3 atau A4.

(iii) Maklumat Jenis Kenderaan

- Laporan pemeriksaan Khas yang diluluskan PUSPAKOM.
- Perakuan Pendaftaran Kenderaan (JPJ).

(iv) Sijil Layak Menggunakan *Autoclave* (Perakuan Kelayakan Dandang).

- Sekiranya masih belum memiliki sijil tersebut, perlu mengemukakan salinan Laporan Pemeriksaan Pertama Jentera yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

(v) Sijil Lesen Tenaga Atom dan Lampiran A (*bagi klinik yang menyediakan kemudahan x-ray*) (*jika berkaitan*).

- Pemohon perlu dapat kelulusan daripada Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP), KKM
- Untuk beroperasi, lesen tersebut perlu dicop "Menstor/Mengguna".
- Nama penyelia tertera nama OYB/pengamal perubatan atau pergigian berdaftar yang bekerja di premis tersebut.

(vi) Perjanjian Pembuangan Sisa Klinikal yang terkini dan sah laku.

(vii) Perjanjian Kawalan Vektor yang terkini dan sah laku.

(viii) Dokumen kontrak/ perkiraan dengan *Managed Care Organisation* (MCO) (*jika berkaitan*).

(ix) *Artwork* papan tanda nama klinik swasta bergerak pada kenderaan (rujuk Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan dan Pergigian Swasta dan *Guideline & Provision For Public Information MDC* yang terkini).

(e) **Maklumat kakitangan lain**

- (i)
- Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian- salinan kad pengenalan, salinan sijil kelayakan asas, salinan perakuan penuh pendaftaran dan salinan APC tahun semasa.
 - Pakar Perubatan/ Pakar Pergigian- salinan kad pengenalan, salinan sijil kelayakan asas dan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran berserta NSR/ Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian.

- (ii) Jururawat/ Juruterapi Pergigian/ Penolong Pegawai Perubatan – salinan sijil kelayakan asas, salinan perakuan penuh pendaftaran, APC tahun semasa dan salinan kad pengenalan.
 - (iii) Anggota Sokongan – salinan kelulusan/ kelayakan, salinan kad Pengenalan.
 - (iv) Lain-lain anggota – salinan kad pengenalan.
- 4.1.5 Sediakan fi pemprosesan dalam bentuk kiriman wang atau draf bank (*wang tunai dan cek persendirian tidak diterima*) bernilai RM500.00, dibayar atas nama **Pengarah Kesihatan Negeri atau Ketua Akauntan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi WP** (*dimana klinik tersebut akan atau dijalankan*).
- 4.1.6 Hantar dua (2) salinan Borang A *online* yang telah lengkap diisi berserta dua (2) salinan dokumen-dokumen sokongan yang **diperakui sah/asal** dan fi pemprosesan kepada Ketua Cawangan CKAPS JKN/WP di alamat **Jabatan Kesihatan Negeri atau Wilayah Persekutuan** dimana klinik tersebut akan atau ditempatkan (*alamat seperti dalam Borang Permohonan*).
- 4.1.7 Surat akuan terima permohonan berserta resit fi pemprosesan akan dihantar kepada pemohon apabila permohonan tersebut diterima oleh Jabatan Kesihatan Negeri dalam tempoh 3 hari bekerja.
- 4.1.8 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan dan fi pemprosesan tidak akan dipulangkan.
- 4.1.9 Surat tiada halangan untuk melakukan pengubahsuaian premis (kenderaan) akan dikeluarkan oleh CKAPS JKN/WP yang berkenaan setelah permohonan disemak dan didapati lengkap serta mematuhi kehendak Akta 586 dan Peraturan-peraturannya.
- 4.1.10 Setelah kenderaan tersedia untuk diperiksa mengikut pelan lantai yang diluluskan oleh CKAPS JKN/WP, pemohon perlu mengemukakan maklumat tambahan berikut:
 - Laporan pemeriksaan khas yang diluluskan oleh PUSPAKOM.
 - Perakuan Pendaftaran Kenderaan (JPJ).
- 4.1.11 Pemeriksaan ke atas premis (kenderaan) akan dilakukan setelah pemohon memaklumkan CKAPS JKN/WP yang berkenaan, bahawa premis (kenderaan) telah tersedia untuk pemeriksaan pra-pendaftaran.
- 4.1.12 Permohonan yang lengkap (Borang A, dokumen sokongan yang diperakui sah/asal, salinan resit fi pemprosesan dan laporan berserta saranan hasil pemeriksaan premis (kenderaan) yang dijalankan oleh CKAPS JKN/WP) akan dikemukakan kepada CKAPS HQ.
- 4.1.13 Setelah permohonan diluluskan/tidak diluluskan, pemohon akan dimaklumkan. Bagi permohonan yang diluluskan, surat minta fi pengeluaran dihantar kepada pemohon.

- 4.1.14 Perakuan Pendaftaran yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan akan dikeluarkan setelah pemohon membayar fi pengeluaran bernilai RM1000.00 dibayar dalam bentuk kiriman wang atau draf bank (*wang tunai dan cek persendirian tidak diterima*), atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia**.
- 4.1.15 Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis.
- 4.1.16 Permohonan pendaftaran boleh ditarik balik secara bertulis oleh pemohon atau orang yang diberi kuasa bagi pertubuhan perbadanan (dalam hal klinik pergigian swasta, pada bila-bila masa sebelum permohonan diluluskan/ tidak diluluskan).

4.2 Perkara-perkara yang perlu disemak dan diteliti semasa memproses permohonan pendaftaran klinik swasta bergerak

4.2.1 Nama Klinik

- (a) Nama yang disarankan dan digalakkan adalah nama yang menggambarkan perkhidmatan yang akan disediakan oleh klinik bergerak tersebut seperti Klinik Pakar Mata Bergerak dan sebagainya.
- (b) Tidak menggunakan nama yang menyamai kemudahan kesihatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan seperti *Klinik Bergerak 1 Malaysia* dan sebagainya.
- (c) Nama yang tidak mengelirukan orang awam mengenai skop perkhidmatan yang disediakan seperti *pusat/centre* atau menjurus kepada selain dari perkhidmatan alopatic (contohnya *Wellness, dispensary, ozone* dan sebagainya) atau terlalu spesifik seperti Klinik Diabetes, Klinik Luka, Klinik Sendi dan sebagainya.
- (d) Nama yang bersesuaian dengan jenis klinik (umum atau pakar), skop perkhidmatan yang disediakan dan kelayakan OYB.
- (e) Bagi klinik pakar, nama klinik hendaklah selaras dengan kelayakan kepakaran OYB [berdasarkan *National Specialist Register, (NSR)*]. Contohnya, nama "Klinik Kulit" atau "Klinik Pakar Kulit" hanya boleh digunakan oleh pakar dermatologi.
- (f) Perlu sama dengan nama yang dimohon dalam Borang A, papan tanda nama klinik, Perakuan Amalan Tahunan [*Annual Practising Certificate, (APC)*] dan Perakuan Pendaftaran klinik.
- (g) Bagi klinik pergigian swasta bergerak, nama klinik perlu patuh kepada *Guidelines and Provisions for Public Information (adopted by Malaysian Dental Council)* yang terkini. *Guidelines and Provisions for Public Information* ada menjelaskan *names of practices should be decent, appropriate and reflect professionalism*.
- (h) Selaras dengan jenis klinik (umum atau pakar), skop perkhidmatan yang disediakan dan kelayakan orang yang bertanggungjawab (OYB).
- (i) Sekiranya ingin menggunakan logo pada kenderaan, logo tersebut **tidak**

boleh –

- (i) Mengelirukan orang awam/ *misleading* dan menyamai kemudahan kesihatan yang disediakan oleh KKM seperti logo bulan sabit merah dan 1 Malaysia; atau / dan
- (ii) Menggambarkan konsep *feeder clinic* kepada hospital atau KPJKS lain yang berlesen.

4.2.2 **Alamat *based at***

- (a) Alamat ***based at*** bermaksud dimana kenderaan yang digunakan (klinik swasta bergerak) ditempatkan ketika tidak beroperasi, alamat tempat penyimpanan rekod perubatan dan peralatan, serta tempat pengurusan sisa klinikal.
- (b) Alamat tersebut perlu spesifik dan dimulai dengan “*based at*”.
- (c) Dokumen sokongan seperti cukai taksiran, bil utiliti, atau dokumen lain yang berkenaan boleh digunakan sebagai rujukan untuk mendapatkan alamat *based at* yang lengkap.

4.2.3 **Lokasi untuk menyediakan perkhidmatan**

- (a) Lokasi yang dipilih bagi klinik swasta bergerak menyediakan perkhidmatan perlu spesifik dan terhad mengikut negeri yang dimohon.
- (b) Pemohon perlu pastikan lokasi yang dicadangkan untuk memberi perkhidmatan adalah lengkap dari segi kemudahan tandas awam, janitor dan memastikan pengurusan sisa klinikal yang teratur.

4.2.4 **Tarikh klinik ditubuhkan/akan ditubuhkan**

Merupakan tarikh premis (kenderaan) dijangka berdaftar dengan KKM dan mula beroperasi.

4.2.5 **Waktu operasi klinik**

Merujuk kepada waktu perkhidmatan klinik swasta bergerak akan disediakan.

4.2.6 **Pelan lantai**

- (a) Skala 1:100
- (b) Mempunyai nama dan alamat *based at* yang ingin didaftarkan
- (c) Ukuran dan kemudahan bilik perundingan perlu mematuhi subperaturan 91(1), P.U. (A) 137/2006.
- (d) Ukuran dan kemudahan bilik rawatan jika disediakan perlu mematuhi subperaturan 91(2), P.U. (A) 137/2006.
- (e) Keluasan bilik pembedahan pergigian perlu mematuhi subperaturan 92(1), P.U. (A) 137/2006.
- (e) Ukuran lega dan arah ayunan pintu perlu mematuhi peraturan 37, P.U. (A) 137/2006.

- (f) Spesifikasi untuk sistem paip, permukaan dinding, dan perkhidmatan jagaan kecemasan asas perlu mematuhi Senarai Semak Pelan Lantai dan Pemeriksaan Pra-Pendaftaran Klinik Swasta.
- (g) Bagi klinik pergigian swasta bergerak, kemudahan pensterilan yang mempunyai kapasiti yang memadai dan mencukupi hendaklah disediakan dalam kenderaan.

4.2.7 Dokumen Tersedia di Klinik

Dasar bertulis, pernyataan dasar, pelan mekanisme ketidakpuasan hati pesakit, dan carta organisasi perlu mematuhi Senarai Semak Pelan Lantai dan Pemeriksaan Pra-Pendaftaran Klinik Swasta.

4.2.8 Jenis Perkhidmatan

- (a) Adalah terhad untuk perkhidmatan pesakit luar sahaja dan tidak memerlukan pemantauan (*observation*).
- (b) Jenis perkhidmatan klinik perlu setara dengan kelayakan OYB.
- (c) Perlu mengemukakan skop perkhidmatan yang akan diberikan termasuk *simple* prosedur klinikal yang akan dijalankan seperti *minor wound dressing, simple incision & drainage* dan sebagainya.
- (d) Bagi klinik perubatan/ pergigian swasta umum bergerak, OYB yang dibenarkan adalah:
 - (i) *General Practitioner*;
 - (ii) Pakar yang mempunyai kelayakan *Master in Public Health (MPH)/ Master in Dental Public Health (MDPH)/ Doctorate In Dental Public Health (DDPH)/ Master in Pathology/Master in Oral Medicine & Oral Pathology* ; atau
 - (iii) Pakar yang tidak mahu meneruskan bidang kepakarannya.
- (e) Bagi klinik perubatan/pergigian swasta pakar bergerak, OYB perlu mempunyai kelayakan kepakaran yang setara. OYB perlu melampirkan salinan sijil kelayakan kepakaran dan sijil NSR/ Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian.
- (f) Perkhidmatan **estetik sebagai area of interest tidak dibenarkan.**
- (g) Premis (kenderaan) bagi klinik perubatan bergerak tidak boleh digunakannya dengan klinik pergigian bergerak.
- (h) Klinik swasta bergerak yang **menyediakan perkhidmatan x-ray sebagai kemudahan tambahan** perlu mematuhi Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (i) Perkhidmatan *x-ray* hanya boleh disediakan setelah mempunyai Lesen Tenaga Atom menggunakan radas penyinaran tersebut.
 - Bagi klinik perubatan swasta bergerak, mesin *x-ray* perlu

dikendalikan oleh juru *x-ray* seperti digariskan dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 28/2010 yang berkuatkuasa mulai 28 Oktober 2010.

- Bagi klinik pergigian swasta bergerak, radas penyinaran *intra oral* boleh dikendalikan oleh pegawai pergigian berdaftar, pakar pergigian serta juruterapi pergigian dan pembantu pembedahan pergigian yang berkelayakan dan disahkan dari institusi pergigian yang diiktiraf oleh pihak berkuasa KKM.

- (j) Pemilikan ekuiti asing (*foreign equity*) adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Penyertaan Ekuiti Asing dalam Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.2.8 Cadangan Jenis Kenderaan Bagi Klinik Pergigian Swasta Bergerak

Mengambil kira saiz kerusi pergigian dan ruang kerja yang diperlukan untuk menjalankan rawatan pergigian, jenis kenderaan bagi klinik pergigian swasta bergerak dicadangkan seperti berikut:

- (a) Mini bas dengan kemudahan 1 kerusi pergigian (spesifikasi pelan lantai kenderaan seperti Lampiran 1) atau;
- (b) Bas/ *trailer* dengan kemudahan 2 kerusi pergigian (spesifikasi pelan lantai kenderaan seperti Lampiran 2).

4.2.9 Pengecualian Yang Boleh Dipertimbangkan

Mengambil kira limitasi pada kenderaan dan struktur jalan raya, Pengarah Kesihatan Negeri dan CKAPS JKN/WP boleh mempertimbangkan permohonan pengecualian secara bertulis yang dikemukakan bagi perkara-perkara berikut:


- (a) Ukuran lebar minima bilik perundingan klinik **perubatan** swasta bergerak yang tidak dapat mematuhi ukuran minima 3.0 meter *kerana lebar kenderaan terhad (pengecualian lebar minima yang dibenarkan adalah 2.1 meter namun keluasan minima perlu mematuhi ≥ 11.1 meter persegi)*.
- (b) Ukuran lebar minima bilik rawatan klinik perubatan swasta bergerak sekiranya disediakan, yang tidak dapat mematuhi ukuran minima bilik rawatan 2.4 meter kerana lebar kenderaan terhad **(pengecualian lebar minima yang dibenarkan adalah 2.1 meter namun keluasan minima perlu mematuhi ≥ 8.0 meter persegi)**.
- (c) Menyediakan kemudahan stor kecil penjaga bangunan (*janitor's closet*) di luar kenderaan (stor kecil penjaga bangunan awam boleh digunakannya dimana lokasi yang dipilih untuk menyediakan perkhidmatan mestilah berdekatan dengan kemudahan tersebut).
- (d) Menyediakan kemudahan tandas pesakit di luar kenderaan (tandas awam boleh digunakannya dimana lokasi yang dipilih untuk menyediakan perkhidmatan mestilah berdekatan dengan kemudahan tersebut).

5. PERMOHONAN PINDAAN BUTIRAN DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN


- 5.1 Permohonan adalah menggunakan borang yang telah ditetapkan atau secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia.
- 5.2 Permohonan hendaklah **dikemukakan oleh pemegang perakuan pendaftaran/ orang yang diberi kuasa bagi pihak pertubuhan perbadanan dalam hal klinik pergigian swasta bergerak**, disertakan dengan dokumen- dokumen yang berkaitan ke alamat berikut:
- Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
- 5.3 Dokumen-dokumen **diperakui sah** yang perlu dikemukakan bergantung kepada permohonan pindaan butiran seperti dalam senarai semak dari laman sesawang **<https://medicalprac.moh.gov.my/>**
- 5.4 Sekiranya ingin berpindah lokasi alamat *based at* ke negeri lain pemohon/pemegang perakuan perlu mengemukakan –
- (a) permohonan pelupuskan perakuan pendaftaran klinik bergerak sedia ada; DAN
 - (b) menghantar permohonan pendaftaran klinik bergerak di lokasi/ negeri baharu kepada Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan yang berkenaan (rujuk prosedur di para 4.1).
- 5.5 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan.
- 5.6 Setelah permohonan diluluskan, Perakuan Pendaftaran yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan akan dikeluarkan kepada pemohon.
- 5.7 Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis.

6. RUJUKAN

- 6.1 Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- 6.2 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A) 137/2006].
- 6.3 Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta.
- 6.4 Akta Perubatan 1971 [Akta 50] serta garis panduan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Medical Council* (MMC).
- 6.5 Akta Pergigian 2018 [Akta 804] serta garis panduan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Dental Council* (MDC).
- 6.6 *Guidelines and Provisions for Public Information Adopted By Malaysian Dental Council*.
- 6.7 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304].
- 6.8 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].



CADANGAN LAKARAN KLINIK PERGIGIAN BERGERAK (1 KERUSI PERGIGIAN)



CADANGAN LAKARAN KLINIK PERGIGIAN BERGERAK (2 KERUSI PERGIGIAN)